

Ahad, 4 Ogos 2019 | 3:27pm



Saifuddin (tengah, duduk) bersama penghulu dan pegawai pada Majlis Perjumpaan Bersama Penghulu/Pengguna Semenanjung Malaysia 2019, di Sungai Petani, hari ini. - NSTP/Mohd Rizal Abdullah

Tiada laporan bekalan daging tak cukup menjelang Aidiladha

Oleh Muhammad Mustakim Ramli
m.mustakim@bh.com.my

SUNGAI PETANI: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPNHEP) belum menerima laporan atau rungutan orang ramai berhubung bekalan daging tidak mencukupi menjelang Aidiladha.

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata talian aduan KPNHEP sehingga kini belum menerima laporan dari mana-mana individu berhubung kekurangan bekalan berkenaan.

“Perkara ini (bekalan daging) adalah di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (tetapi) jika membabitkan aspek pengguna atau pengguna terjejas (kerana kurang bekalan), baru kita respon.

“Namun, buat masa sekarang kita belum menerima aduan mengenainya. Setakat ini yang masih kita terima mengenai harga dan penipuan atas talian, (kekurangan) bekalan daging masih belum ada,” katanya selepas Majlis Perjumpaan Bersama Penghulu/Pengguna Semenanjung Malaysia 2019, di sini, hari ini.


Beliau berkata demikian selepas diminta mengulas sama ada KPNHEP menerima laporan orang ramai berhubung kekurangan bekalan daging sempena Aidiladha.

Sebelum ini, BH melaporkan bekalan lembu, kerbau dan kambing untuk ibadat korban sempena Aidiladha minggu depan bukan saja dijamin mencukupi, malah melebihi permintaan.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub, berkata jumlah itu berdasarkan perangkaan bekalan semasa lembu tempatan dan lembu yang diimport dalam tempoh tiga bulan sebelum perayaan.

Katanya, selain bekalan ternakan tempatan, sumber bekalan ternakan lembu itu turut diimport dari Thailand dan Australia, manakala kambing dan biri-biri diimport dari Australia.

Sementara itu, pada Majlis Perjumpaan Bersama Penghulu/Penggawa Semenanjung Malaysia 2019, seramai 500 hadir untuk bertukar maklumat dan berdialog dengan Saifuddin Nasution.



KPNHEP belum terima aduan bekalan daging tak cukup

Sungai Petani: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPNHEP) belum menerima laporan atau rungutan orang ramai berhubung bekalan daging tidak mencukupi menjelang Aidiladha.

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata taliian aduan KPNHEP sehingga kini belum menerima laporan dari mana-mana individu berhubung kekurangan bekalan berkenaan.

"Perkara ini (bekalan daging) adalah di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (tetapi) jika membabitkan aspek pengguna atau pengguna terjejas (kerana kurang bekalan), baru kita respon.

"Namun, buat masa sekarang kita belum menerima aduan mengenainya. Setakat ini yang masih kita terima mengenai harga dan penipuan atas talian, (kekurangan) bekalan daging masih belum ada," katanya selepas Majlis Perjumpaan Bersama Penghulu/Penggawa Semenanjung Malaysia 2019, di sini, semalam.

Beliau berkata demikian selepas diminta mengulas sama ada KPNHEP menerima laporan orang ramai berhubung kekurangan bekalan daging sempena Aidiladha.

Sebelum ini, *BH* melaporkan bekalan lembu, kerbau dan kambing untuk ibadat korban sempena Aidiladha minggu depan bukan saja

dijamin mencukupi, malah melebihi permintaan.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub, berkata jumlah berkenaan berdasarkan perangkaan bekalan semasa lembu tempatan dan lembu yang diimport dalam tempoh tiga bulan sebelum perayaan.

Katanya, selain bekalan termaikan tempatan, sumber bekalan ternakan lembu itu turut diimport dari Thailand dan Australia, manakala kambing dan biri-biri diimport dari Australia.

Sementara itu, pada Majlis Perjumpaan Bersama Penghulu/Penggawa Semenanjung Malaysia 2019, 500 hadir untuk bertukar maklumat dan berdialog dengan Saifuddin Nasution.



Saifuddin menerima cenderungati daripada wakil penghulu pada Majlis Perjumpaan bersama Penghulu/Penggawa Semenanjung Malaysia di Sungai Petani, semalam. (Foto Mohd Rizal Abdullah/BH)